atau satu peratus sebulan bagi pinjaman bercagar, manakala 18 peratus setahun atau 1.5 peratus sebulan untuk pinjaman tanpa cagaran.

Mengenai laporan hanya 11 daripada 4,292 syarikat yang berdaftar dengan KPKT memasang papan tanda sebagai syarat untuk mengiklankan perkhidmatan, Zuraida berkata, kelewatan memasang papan tanda disebabkan ia dilakukan secara berperingkat.

"Ketika kita melancarkan Kredit Komuniti tahun ini, kebanyakan syarikat terbabit menunggu sehingga mereka memperbaharui lesen masing-masing sebelum memasang papan tanda berkenaan.

"Bagaimanapun, tahun depan sama ada lesen mereka belum diperbaharui dan sebagainya, mereka kena pasang papan tanda baharu seperti ditetapkan syarat lesen," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Zuraida berkata, pengambilalihan tapak tanah bangunan Highland Towers di Hulu Klang akan dimuktamadkan pada 8 Januari ini.

"Isnin lalu, saya berjumpa Menteri Besar Selangor (Datuk Seri Amirudin Shari) dan beliau akan membawa isu tanah Highland Towers ke mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 8 Januari ini.

"Insya-Allah akan dimuktamadkan 8 Januari ini," katanya.

Amirudin sebelum ini dilaporkan pengambilalihan tapak tanah bangunan Highland Towers tidak boleh diselesaikan sebelum akhir tahun ini berikutan beberapa proses yang perlu diselesaikan membabitkan pengambilalihan tanah berkenaan.